



## SYARAT-SYARAT UMUM PENGGAMBARAN DI KAMPUS UNIVERSITI MALAYA

Berikut adalah syarat-syarat umum yang perlu dipatuhi oleh pihak Penerbit, petugas, krew produksi dan individu yang terlibat dengan penggambaran di dalam kampus Universiti Malaya:

1. Penerbit hendaklah memastikan kebersihan dan infrastruktur di kawasan yang digunakan bagi lokasi penggambaran sentiasa dijaga. Penerbit hendaklah menanggung risiko sebarang kerosakan yang berlaku terhadap infrastruktur hasil dari penggambaran tersebut.
2. Dilarang membuat sebarang perubahan termasuk membuka, mengalih atau mengubah sebarang struktur serta kemudahan di lokasi penggambaran.
3. **Kawasan kampus Universiti Malaya adalah kawasan larangan merokok.** Penerbit bertanggungjawab memastikan larangan tidak merokok ini dipatuhi dan bersetuju untuk tertakluk kepada peraturan larangan merokok yang ditetapkan oleh Universiti Malaya.
4. Sentiasa berpakaian sopan dan menjaga tingkah laku semasa berada di kawasan kampus Universiti Malaya sepanjang penggambaran dijalankan.
5. Dilarang membawa binatang (peliharaan ataupun liar) ke lokasi penggambaran kecuali binatang yang diperlukan bagi tujuan penggambaran setelah mendapat kebenaran bertulis dari pihak Universiti Malaya.
6. Penggambaran tidak menganggu kelancaran aktiviti pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan urusan pentadbiran Universiti Malaya sepanjang tempoh penggambaran.
7. Penggambaran tidak melibatkan kakitangan Universiti Malaya kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis dari pihak Universiti Malaya.
8. Universiti Malaya tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti terhadap sebarang tuntutan kemalangan sama ada kecederaan atau kematian yang berlaku terhadap penerbit, petugas, krew produksi dan individu yang terlibat sepanjang tempoh penggambaran dijalankan.
9. Penerbit berakujanji tidak akan menyalahgunakan 'footages' yang dirakam bagi tujuan lain selain dari penerbitan tersebut, tidak menggunakan nama Universiti Malaya bagi tujuan promosi, memastikan Universiti Malaya hanya terlibat sebagai lokasi penggambaran, dan Universiti Malaya tidak dikaitkan dengan penggambaran tersebut di dalam apa-apa konteks.
10. Universiti Malaya berhak pada bila-bila masa untuk menamatkan kebenaran bagi menjalankan penggambaran ini sekiranya syarat-syarat seperti yang disebut di atas gagal dipatuhi.
11. Sekiranya terdapat pertikaian, isu atau kontroversi mengenai penggambaran dan syarat-syarat umum ini, ianya perlulah diselesaikan secara rundingan atau/dan pihak Universiti Malaya boleh mengambil tindakan sewajarnya ke atas penerbit.

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Komunikasi Korporat (CCO)  
Aras L, Bangunan Canseleri  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
MALAYSIA

Tarikh: 22 Mei 2015  
WM



## GENERAL GUIDELINES ON FILMING IN THE UNIVERSITY OF MALAYA CAMPUS

The following are the general guidelines which must be adhered by the producer, staff, production crew, and individuals involved with the filming in the University of Malaya campus:

1. The producer must ensure the cleanliness and infrastructure area used as the location for filming is maintained and the Producer to incur any damage to the infrastructure as the result of the filming.
2. Not allowed to make any changes including open, move or change any structures and facilities at the location for filming.
3. **The University of Malaya bans smoking on campus.** The producer is responsible in ensuring this smoking ban is obeyed and agrees to be subject to the rules for the smoking ban issued by the University of Malaya.
4. Must be dressed modestly and maintain good behaviour on campus throughout the filming.
5. Forbidden to bring animals (pets or wild) to the filming location except for animals that are required for the purpose of filming after getting the written permission from the University of Malaya.
6. The filming does not interfere with the activities of teaching, learning, research and administration of the University of Malaya.
7. The filming does not involve any staff of the University of Malaya except with written permission from the University of Malaya.
8. The University of Malaya will not be responsible and will not accept any liability or any claims for any accidents such as injuries or deaths incurred during the filming.
9. The producer undertakes not to misuse 'footages' recorded for any other purpose other than the production, will not use the name of the University of Malaya for promotional purposes, ensure that the University of Malaya is involved only as the filming location, and the University of Malaya is not associated with the filming in whatever context.
10. The University of Malaya at any time has the right to terminate the agreement if the above conditions are not complied.
11. In the event of a dispute, issue or controversy regarding the filming and the terms of this general guidelines, it should be solved through consultation or/and the University may take appropriate action against the producer.

Issued by:  
Corporate Communication Office (CCO)  
Level L, Chancellery Building  
University of Malaya  
50603 Kuala Lumpur.  
MALAYSIA

Date: May 22, 2015  
WM